

# SSM agih sumbangan RM20,000

**Orang asli Kuala  
 Koh dibantu  
 menerusi kempen  
 #SSMPrihatin**

AKMALIAH RAZAK

GUA MUSANG

**S**uruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengagihkan sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada masyarakat orang asli suku Bateq di Kampung Kuala Koh di sini.

Sumbangan berjumlah RM20,000 itu diagihkan kepada 52 ketua isi rumah orang asli di bawah inisiatif #SSMPrihatin.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawalan Selia dan Penguatkuasaan) SSM, Khuzairi Yahaya berkata, sumbangan itu adalah inisiatif bagi membantu golongan memerlukan dan membukitkan keprihatinan SSM terhadap orang asli suku Bateq



Mohamad (kanan) menerima sumbangan cerek dan barangan keperluan daripada Khuzairi di bawah inisiatif #SSMPrihatin di Kampung Kuala Koh, Gua Musang kelmarin.

yang dilanda bencana pada Jun lalu.

Menurutnya, menerusi program itu, setiap keluarga menerima wang tunai sebanyak RM300 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM15,600.

"Baki daripada jumlah tersebut diagihkan dalam bentuk barangan keperluan harian seperti cerek dan alat penjagaan

kebersihan.

"Kita ingin memastikan masyarakat orang asli di sini dapat menjalani kehidupan lebih baik dan selesa, sekaligus meningkatkan kesedaran kepentingan penjagaan kesihatan serta pertolongan yang bersih," katanya selepas menyerahkan sumbangan berkenaan kepada semua ketua isi rumah Kampung Kuala

Koh, kelmarin.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Kelantan/Terengganu, Hashim Alang Abdul Hamid dan Pengarah SSM Kelantan, Ab Razak Isa.

Khuzairi berkata, SSM tidak pernah meminggirkan soal CSR dan bersedia memberikan bantuan kepada mana-mana pihak yang memerlukan.

Menurutnya, pada tahun lalu SSM telah membelanjakan hampir RM2.8 juta peruntukan CSR bagi membantukan golongan yang memerlukan di seluruh negara.

"Ini program pertama kita melibatkan kelompok orang asli. Kita rasa sedih dengan kes kematian yang melibatkan seramai 15 orang asli suku Bateq. Ia amat mengesankan seluruh rakyat Malaysia.

"Diharap sumbangan ini mampu meringankan beban mereka dan digunakan dalam usaha mempertingkatkan tahap kesihatan serta penjagaan kebersihan diri agar tragedi yang sama tidak berulang," katanya.

Sementara itu, Tok Batin, Mohamad Pokok mengucapkan terima kasih atas keprihatinan SSM.

"Terima kasih dan kami gembira sebab ada pihak yang sudi masuk jumpa penduduk di sini dan tidak pinggirkan kami.

"Terharu juga bila SSM bagi diut dan barangan untuk kami," katanya.